

PROFESOR DATO' DR. HAJI
JAMIL BIN HAJI HAMALI

"3J - Jana Jimat Jariah"





Profesor Dato Dr. Jamil Hamali yang berkelulusan Diploma Pengajian Perniagaan merupakan alumni dari Institut Teknologi, MARA pada tahun 1984. Pada tahun 1986, beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (pengkhususan Pemasaran Industri) dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau memperolehi MBA dengan kepujian dari United States International University, San Diego, Amerika Syarikat pada tahun 1988.



Sebelum berlepas ke United Kingdom untuk pengajian di peringkat PhD, beliau adalah Timbalan Pengetua (Hal Ehwal Akademik) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sarawak. Profesor Dato Dr. telah menamatkan pengajian kedoktoran (PhD) di dalam bidang Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau Total Quality Management (TQM) dari Universiti Salford, Manchester dengan cemerlang iaitu menamatkan pengajian dalam jangka masa kurang dari tiga tahun.



Sebelum menyandang jawatan Rektor UiTM Cawangan Sarawak pada April 2005, beliau merupakan Dekan Fakulti Pengajian Perniagaan, UiTM Shah Alam 2002-Mac 2005. Professor Jamil memegang rekod sebagai Rektor yang paling lama berkhidmat di jawatan berkenaan di dalam sistem pentadbiran UiTM (18 tahun). Beliau juga pernah dilantik menjadi Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Pelajar) UiTM Sarawak sebelum kedua-dua jawatan di atas. Selain memegang jawatan pentadbiran, beliau terlibat aktif dalam mengendalikan pelbagai seminar, latihan dan konsultasi dengan pengkhususan dalam bidang TQM, pemasaran, perancangan strategik, motivasi, komunikasi, keusahawanan, kepimpinan, inovasi, rekacipta dan penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan.



Pada tahun 1995 dan 2004, Profesor Dato Dr. Jamil Hamali telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang) atas pencapaian dan sumbangan beliau. Beliau turut terlibat aktif dalam aktiviti di luar kampus seperti menjadi ahli lembaga pengarah Tabung Baitulmal Sarawak, ahli jawatankuasa teknikal halal negeri, ahli jawatankuasa utama halal Sarawak, ahli jawatankuasa penasihat Pusat Maklumat Islam Sarawak, dan ahli jawatankuasa biasiswa Ibnu Khaldun. Sejak beberapa penggal sehingga kini beliau adalah Presiden Persatuan Reka Cipta & Reka Bentuk Sarawak/Invention & Design Association Sarawak (IDEAS). Di peringkat antarabangsa, beliau mengekalkan jalinan strategik bersama High Performance Organization (HPO) Research Group daripada University of Salford, Manchester. Antara pencapaian terbilang antatabangsa Prof Dato Dr Jamil sebagai Rektor adalah keupayaan beliau membantu mendapatkan tujuh (7) projek penyelidikan dan konsultasi daripada ERASMUS iaitu badan pemberi dana penyelidikan dan konsultasi dari Kesatuan Eropah (European Union) dengan nilai terkumpul geran sebanyak EURO 5.3 juta (RM 25 juta).



Prof Dato Dr Jamil juga sering dijemput untuk membentang ucap tama dan kertas kerja di peringkat antarabangsa dan setakat ini telah terlibat dengan 27 buah negara (Iran, Sweden, Australia, Estonia, England, China, Cambodia, Thailand, Indonesia, Bosnia, Brunei, Bhutan, Czech Republic, Nepal, New Zealand, Vietnam, South Korea, Japan, Myanmar, Singapore, Spain, India, Italy, Portugal, Holland, United Kingdom and Turkiye).

Tiga produk kebanggaan UiTM Sarawak adalah Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB), Borneo International Halal Showcase (BIHAS) dan Festival Tari IPT Borneo. Prof Jamil merupakan antara pengasas ketiga-tiga aktiviti ini. KAIB pada 2024 merupakan seri yang ke 15 tahun konferensi tersebut telah dilaksanakan berkerjasama dengan beberapa buah institusi pengajian tinggi di kepulauan Borneo.

UCAPAN SETINGGI-TINGGI


Tahniah

PROF. DATO DR JAMIL HAJI HAMALI
REKTOR UITM CAWANGAN SARAWAK

PENERIMA ANUGERAH MA'AL HIJRAH 1441H
ANUGERAH KEPIMPINAN ORGANISASI
PERINGKAT NEGERI SARAWAK



DARIPADA : PENGURUSAN EKSEKUTIF DAN SELURUH WARGA UITM CAWANGAN SARAWAK



<https://sarawak.uitm.edu.my>
uitmsarawak_official

Rektor UITM Sarawak
Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA Sarawak

Di atas sumbangan dan pencapaian cemerlang Prof Dato Dr Jamil, beliau telah dikurniakan dengan beberapa anugerah dan pingat. Antaranya adalah Pegawai Bintang Kenyalang Award (2002), pingat Panglima Setia Bintang Sarawak (2011) yang membawa gelaran “Dato”, Anugerah Maal Hijrah Award (2016), Malaysia Productivity Champion (2017) oleh Malaysia Productivity Corporation, Anugerah Maal Hijrah Award (Kepimpinan Organisasi) pada 2019 berserta hadiah wang tunai RM10,000 dan pada 2023, kerajaan negeri Sarawak telah menganugerahkan beliau sempena perayaan Kemerdekaan Sarawak ke 60th pingat Jubli Intan (Perak).